

Ruj. Kami: JANM.PRK.600-1/1/1 (41)

Tarikh : 26 Ogos 2026

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab,

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

**TINDAKAN PENGEMASKINIAN NOMBOR PENGENALAN CUKAI (NO. TIN) IT0198 –
SCHEDULAR DEDUCTION TAX MODUL HUMAN CAPITAL MANAGEMENT (HCM)
SISTEM iGFMS**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan email daripada pihak Bahagian Pengurusan Pengurusan Teknologi Maklumat, Jabatan Akauntan Negara Malaysia bertarikh 24 Jun 2026 adalah berkaitan.

2. Selaras dengan keperluan melengkapkan Nombor Pengenalan Cukai (No. TIN) semasa mengunci masuk maklumat di bawah Sistem *Human Capital Management* (HCM), pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/YBrs. Dr./ Tuan/ Puan dimohon untuk memastikan No. TIN dikemaskini termasuk kesemua subtype di dalam IT0198 bagi setiap pegawai. Berikut adalah contoh skrin IT0198 sebagai panduan.

IT0198 – Subtype 01 : Schedular Tax Deduction

Personnel No		Name	
EE group	A Jawatan Tetap	Pers.area	D3 KSU Kem Pelajaran
EE subgroup	01 Pegawai Awam	Pers. subarea	41 Sktr Pelajaran
Start	01.12.2024	to	31.12.9999
		Chg.	21.11.2024
Employee Information			
Tax Type - Malaysia	01	Schedular Tax Deduction	
Income tax number	IG: 12345678	99	0
Income tax office	01	JANM	
Family Information			
☐ From family infotype		☐ Spouse relief	
☐ Married		☐ Disabled Spouse	
Number of dependents full allowance		0	
No. of dependents half allowance		0	
☐ Disabled Individual			
Employer Information			
ER Tax Reference No.	E 918810-10	Payee name	LHDN - IBU PEJABAT

IT0198 – Subtype 02 : CP-38 Tax Deduction

Personnel No		Name	
EE group	A Jawatan Tetap	Pers.area	D3 KSU Kem Pelajaran
EE subgroup	01 Pegawai Awam	Pers. subarea	41 Sktr Pelajaran
Start	01.04.2022	to	31.12.9999 Chg. 31.03.2022

Employee Information	
Tax Type - Malaysia	02 CP-38 Tax Deduction
Income tax number	IG 12345678 99 0
Income tax office	01 JANM

Employer Information	
ER Tax Reference No.	E 918810-10 Payee name LHDN - IBU PEJABAT

3. Untuk makluman, arahan pertukaran nombor cukai pendapatan kepada Nombor Pengenalan Cukai (TIN) telah bermula pada tahun 2021 secara berperingkat. Setiap individu warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas secara automatik telah mempunyai No. TIN melalui pendaftaran automatik dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Oleh yang demikian, semua pegawai lantikan baharu termasuk kontrak dan Personel MySTEP perlu memaklumkan kepada pejabat masing-masing. Ini kerana semua urusan percukaian akan menggunakan Nombor TIN tersebut. Bersama-sama ini juga dilampirkan tatacara carian dan semakan Nombor TIN di Lampiran 1.

4. Justeru itu, mohon kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/YBr. Dr./ Tuan/ Puan untuk menyemak dan memastikan maklumat No. TIN pegawai **telah dikemaskini** bagi IT0198 terutama bagi **pegawai lantikan baharu** dan **semua pegawai** yang masih berkhidmat sebelum pembayaran gaji bulan **September 2026**. Ini bagi mengelakkan 'ralat' semasa proses larian gaji dilakukan dan gaji pegawai tidak dapat diproses melalui sistem HCM.

5. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan dalam memastikan pemakluman ini dipanjangkan kepada semua pegawai di PTJ pengisian No. TIN dapat dikemaskini dan diselenggara dengan betul dan tepat. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Gaji untuk keterangan lanjut.

Sekian, terima kasih.

PENGARAH
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK